



Prospektus

PRASISWAZAH 2018/2019



Prospektus


PRASISWAZAH
2018/2019

KANDUNGAN

- 5** Canselor
- 6** Ahli Lembaga Pengarah
- 8** Perutusan Naib Canselor
- 9** Moto Universiti / Wawasan / Misi / Falsafah
- 10** Cokmar Universiti
- 11** Objektif Universiti
- 12** Logo Universiti
- 13** Lagu Universiti
- 14** Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- 15** Senarai Ahli Senat
- 16** Takwim Akademik Sesi 2018/2019
- 17** Lokasi Kampus
- 18** Peta Kota Kinabalu
- 19** Pelan Kampus
- 20** Bahagian Perkhidmatan Akademik
- 25** Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



- 28** Jabatan Bendahari
- 35** Perpustakaan
- 38** Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- 43** Fakulti Sains dan Sumber Alam
- 80** Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
- 109** Fakulti Psikologi dan Pendidikan
- 130** Fakulti Kejuruteraan
- 155** Fakulti Komputeran dan Informatik
- 168** Fakulti Pertanian Lestari
- 177** Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan
- 186** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
- 217** Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
- 230** Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- 233** Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
- 244** Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar
- 247** Direktori





CANSELOR

TUN DATUK SERI PANGLIMA
(DR.) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah



AHLI LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI Belum Diisi

NAIB CANSELOR

Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin

(Lantikan pada 18 Jun 2017)

Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam

1. **Dato' Paduka Profesor Dr. Rujhan bin Mustafa**

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

2. **Encik Mohd Yunus Charlie Charington**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

Perbendaharaan Malaysia Sabah

Seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya Universiti itu

Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti Wakiman

Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 22(1) (d) Perlembagaan UMS

Profesor Dr. Marcus Jopony

Pengarah

Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat

Lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga

SEKTOR SWASTA (3 ORANG)

1. **Datuk (Dr.) Kelvin Tan Aik Pen**

Pengerusi

TSH Resource Berhad

(Lantikan pada 1 Ogos 2017)

2. **Belum Diisi**

3. **Belum Diisi**

ALUMNI UNIVERSITI (1 ORANG)

Datin Hajah Nurlaila bt. Said

Pengarah

Lembaga Tabung Haji Negeri Sabah

DARI DALAM ATAU LUAR UNIVERSITI (1 ORANG)

Belum Diisi

SETIAUSAHA

Encik No'man Datuk Hj. Ahmad

Pendaftar



NAIB CANSELOR

Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin



PERUTUSAN NAIB CANSELOR

**Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum dan Salam Sejahtera**

Selamat datang saya ucapan kepada para pelajar baharu sesi 2018/2019 ke Universiti Malaysia Sabah (UMS), sebuah university EcoCampus yang berhiaskan kehijauan panorama alam semula jadi dan diserikan hamparan samudera biru berlatarkan kegagahan Gunung Kinabalu.

Di sini anda pasti akan mengalami pelbagai pengalaman yang mungkin tidak terdapat pada universiti-universiti lain di Malaysia. Keharmonian pelbagai kaum daripada latar belakang bangsa dan agama yang berbeza pasti membuatkan anda sentiasa gembira dan mengalami keseronokan dalam meneruskan pengajian dengan cemerlang.

Kebajikan dan keperluan anda adalah keutamaan kami demi meningkatkan pencapaian yang memberangsangkan sepanjang masa. Prasarana yang lengkap dan terkini sudah pasti akan memberikan keselesaan dalam melalui detik-detik keramat sebagai seorang insan yang bergelar pelajar universiti ke arah mencapai cita-cita dan hala tuju merealisasikan impian dan harapan ibu bapa.


Para pelajar dari luar Sabah khususnya, anda bukan hanya dapat menikmati segala keindahan yang terdapat di dalam kampus, malah anda juga berpeluang melawat ke merata tempat di negeri ini sama ada melalui program kemahasiswaan ataupun bersama-sama rakan-rakan anda di setiap kesempatan yang ada. Selain itu, negeri Sabah yang kaya dengan adat resam dan budaya juga bakal memberi pengalaman baharu kepada para pelajar untuk berkenalan dengan pelbagai suku etnik di negeri ini.

Segala keunikan ini pastinya akan merangsang minda para pelajar untuk belajar dengan penuh iltizam dan bertekad cemerlang. Apa yang penting ialah agar para pelajar sekalian sentiasa memahami tujuan sebenar masuk universiti, yakni membawa misi untuk menjadi graduan yang cemerlang.

Sesungguhnya, UMS amat berbangga menerima kedatangan para pelajar baharu sekalian. Kami akan menyediakan pelbagai ilmu dan pengalaman kepada anda termasuk penerapan kemahiran insaniah yang pastinya mematangkan anda agar lebih berdaya saing terutama dalam membantu kerajaan menggerakkan pembangunan negara pada masa hadapan. Seperti menatang minyak yang penuh, anda akan mendapati kehidupan kampus adalah satu saat yang indah dan amat berharga dalam hidup anda.

Tahniah kerana menjadi warga Universiti Malaysia Sabah.

Ikhlas,
Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah



MOTO, WAWASAN, MISI DAN FALSAFAH

MOTO

Kecemerlangan dalam sebarang aktiviti akan menjadi pendorong dan sasaran utama kepada Universiti Malaysia Sabah. Mercu tekad ialah pencapaian yang akan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

VISI

Menjadi sebuah universiti berinovatif yang bertaraf dunia.

MISI

Mencapai kecermerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat dan keseimbangan pengkhususan ilmu serta keperibadian pelajarnya untuk menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

FALSAFAH

Pendidikan yang berteraskan prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan pembinaan masyarakat terpelajar yang progresif, berdisiplin, bersepakutu dan seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani, dan rohani untuk berbakti mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara.



COKMAR



Cokmar adalah simbol kebesaran universiti. Kepala Cokmar berbentuk glob mengandungi emblem negara Malaysia yang terletak di atas Jalur Gemilang. Ini menunjukkan kedudukan universiti sebagai insitusi pendidikan tinggi yang menjunjung misi dan visi negara yang berusaha memberi pendidikan kepada semua warga negaranya. Pada cincin alas glob tertulis dalam aksara jawi perkataan Universiti Malaysia Sabah.

Badan Cokmar berbentuk batil yang berkaki dan tertutup serta terletak di atas tapak, mengandungi lambang negeri-negeri di Malaysia dan emblem Universiti Malaysia Sabah, manakala di bawah lambang UMS terdapat lambang flora kebanggaan negara iaitu Bunga Raya dan Bunga Rafflesia.

Pada kaki tapak batil terdapat motif-motif seni masyarakat tempatan, iaitu motif pucuk rebung, motif geometri dan motif padi. Terdapat sembilan tangkai padi dan ini melambangkan UMS sebagai Universiti awam yang kesembilan di Malaysia.

Kaki Cokmar berbentuk tongkat yang terbentuk daripada beberapa batang kecil yang disimpai serta dililit oleh pokok sirih menjalar yang melambangkan sekolah, pusat, institut dan unit yang bersatu teguh manakala simpai pula melambangkan statut, akta dan peraturan-peraturan yang menjadi panduan dan etika pengurusan, pentadbiran dan pendidikan. Sirih Emas yang melilit batang Cokmar melambangkan dinamisme program-program yang dijalankan di universiti ini.

Motif bumi di mana pokok ilmu itu mendapat tenaga melambangkan sains dan teknologi untuk hidup dan berkembang serta mendorong cita-cita murni. Di atas bumi terdapat lima mata pena yang melambangkan kekuatan ilmu, dan keutuhan dan setiap satu mata pena yang menjadi simbol keimanan, ketaqwaan, ketulusan budi, keikhlasan dan kesungguhan yang menjadi asas keilmuan dan panduan untuk mencapai kejayaan dan kegemilangan dalam semua aktiviti.

OBJEKTIF UNIVERSITI

Untuk memenuhi misinya, UMS bertekad mencapai 9 objektif iaitu:

1

Mencapai kecermerlangan kesarjanaan akademik bertaraf antarabangsa dalam program berbilang bidang iaitu sains, teknologi, kejuruteraan, perniagaan, ekonomi, politik dan sains sosial.

2

Meneroka, memelihara dan memanfaatkan ilmu dengan berkesan untuk pembangunan masyarakat dan negara.

3

Mempertahankan kebebasan akademik dan mengekalkan kerapian intelektual di kalangan komuniti universiti.

4

Mengeluarkan graduan mengkhusus tetapi seimbang, berketrampilan, bertaqwa dan patriotik.

5

Mengadakan program-program pengajaran dan penyelidikan yang berkualiti serta relevan kepada masyarakat dan negara.

6

Menjalinkan hubungan kerjasama di antara UMS dengan industri, kerajaan, badan-badan profesional dan masyarakat.

7


Memupuk dan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan murni sejagat serta keterbukaan berfikir dengan penuh tanggungjawab di kalangan para sarjana, pegawai dan tenaga sokongan universiti sambil mencapai hasil kerja yang optimum dan berkualiti tinggi.

8

Menyumbangkan kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang teguh dan saksama.

9

Meningkatkan martabat dan prestij universiti sebagai institusi masyarakat yang unggul, progresif dan terkemuka.



LOGO



PERISAI



Perisai melambangkan kekuatan universiti sebagai satu kesatuan daya tenaga yang berpadu untuk mendukung wawasan universiti.



LINGKARAN SFERA

Lingkaran Sfera menggambarkan cakerawala di mana alam ini wujud, melambangkan ilmu pengetahuan yang meliputi seluruh ilmu yang berhubung dengan alam ini.



BUNGA RAFFLESIA

Bunga Rafflesia adalah lambang keunikan "Negeri di Bawah Bayu".



MATA PENA

Mata pena merujuk kepada ketepatan dan kejituhan penghayatan ilmu. Pena merupakan manifestasi ilmu yang lahir dalam minda dan diterjemahkan kepada bahasa yang tertulis. Mata pena yang menuju ke atas menunjukkan ilmu itu tidak terbatas bidangnya.



BUKU

Buku yang terbuka di atas sebuah rehal melambangkan ilmu pengetahuan yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada manusia dan ia menjadi sumber keintelektualan, keimanan, kebijaksanaan dan buku juga melambangkan semangat penerokaan dari diri yang sentiasa ingin mengetahui melalui minda yang analitis.

KUNING

Melambangkan suasana warga kampus UMS yang sentiasa ceria, segar, aktif dan dinamik umpama alam sentiasa disinar suria.

BIRU

Melambangkan suasana kehidupan yang harmoni, yang mencerminkan ikatan persaudaraan dalam kalangan warga kampus dengan persekitarannya.

MERAH

Melambangkan keutuhan, kegigihan dan kekentalan yang ada di sanubari setiap warga UMS dalam menghadapi segala cabaran demi mencapai kejayaan dan kecermerlangan.

LAGU UNIVERSITI

BERTEKAD CEMERLANG

UMS lambang puncak jaya
Pancaran perjuangan semangat waja
Pembentuk citra pelindung budaya
Memandu bangsa memaju negara

Di sini dicanai segala fikiran
Di sini dikaji segala wawasan
Ilmu iman sumber pedoman
Bakti curah kasih budiman

Bayu bertiup nafasmu sejati
Bumi terhampar tubuhmu abadi
Samudera biru wajahmu berseri
Suria menyinar tenagamu murni

Kaulah harapan bangsa maju
Kaulah jambatan nusa bersatu
Berdiri megah kekal bermutu
Menunjuk arah bakal dituju

UMS kaulah tunggak negara
Warisan sejati Malaysia tercinta
Bertekad Cemerlang menjadi budaya
Semoga unggul dan sejahtera

Musik:
Prof. Madya Abdul Jamal Abd. Hamid

Lirik:
Tuan Haji Salleh Haji Yusof



PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



1. **NAIB CANSELOR**
Profesor Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin
B.Med Sc. (UKM), MD (UKM), M Med. (UKM)
(Lantikan pada 18 Jun 2017)



2. **TIMBALAN NAIB CANSELOR**
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
Profesor Dr. Rasid Mail
BAcct. (Hons) (UUM), MAcct. (Dundee),
Ph.D Accountancy (UiTM)
3. **TIMBALAN NAIB CANSELOR**
(PENYELIDIKAN & INOVASI)
Profesor Dr. Shahril bin Yusof
B.Med Sc. (UKM), MD (UKM), Ms Surgery Ortho (UKM)
4. **TIMBALAN NAIB CANSELOR**
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
Profesor Dr. Ismail Ali
BA. MA. (Malaya), Ph.D (UMS)



5. **PENDAFTAR**
Encik No'man Datuk Hj. Ahmad
BA (Hons) (Malaya)
6. **BENDAHARI**
Puan Zallifah Shadan
BAcct. (Hons) (UUM), C.A (M)

7. **KETUA PUSTAKAWAN**
Belum Diisi

SENARAI AHLI SENAT

PENGERUSI

Profesor Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin
Naib Canselor

AHLI-AHLI

Profesor Dr. Rasid Mail
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Shahril Yusof
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Dr. Ismail Ali
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Profesor Madya Dr. Murnizam Hj. Halik
Pengarah Kampus Antarabangsa Labuan
(Tamat Perkhidmatan: 18 Ogos 2018)

Profesor Dr. Hjh Arsiah Bahron
Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah

Profesor Ir. Dr. Abdul Karim Mirasa
Dekan Fakulti Kejuruteraan

Profesor Dr. Ismail Ibrahim
Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan

Profesor Dr. Sharifudin Md. Shaarani
Dekan Fakulti Sains Makanan & Pemakanan

Profesor Dr. Mohammad Saffree Jeffree
Dekan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan

Profesor Dr. Baba Musta
Dekan Fakulti Sains & Sumber Alam

Profesor Dr. Mohd Dahlan Hj A. Malek
Dekan Fakulti Psikologi & Pendidikan

PROFESOR

Profesor Dr. Marcus Jopony
Fakulti Sains & Sumber Alam

Profesor Dr. Awang Bono
Fakulti Kejuruteraan

EX-OFFICIO

Encik No'man Datuk Hj. Ahmad
Pendaftar

Puan Dg. Rukiah Ag. Amit
Ketua Pustakawan
(Tamat Perkhidmatan: 28 Ogos 2018)

Puan Zallifah Shadan
Bendahari

DI KO-OPT

Profesor Dr. Ho Chong Mun
Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan
Penglibatan Global

Nota:
Senarai Ahli Senat sehingga 14 Ogos 2018
Kemaskini ini mengambil kira Ahli Senat (Profesor Prof. Dr Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa yang telah menamatkan kontrak pada 31 Julai 2018.



TAKWIM AKADEMIK SESI 2018/2019

[BAGI SEMUA PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH KECUALI PROGRAM DOKTOR PERUBATAN]

SEMESTER I SESI 2018/2019

PERKARA	TARIKH	TEMPOH
Pendaftaran Pelajar Baharu	03 - 04 September 2018	2 Hari
Minggu Suai Mesra	05 - 07 September 2018	3 Hari
Pengesahan Pendaftaran Kursus	10 - 18 September 2018	9 Hari
Kuliah	10 September - 02 November 2018	8 Minggu
Cuti Pertengahan Semester	03 - 11 November 2018	1 Minggu
Kuliah	12 November - 21 Disember 2018	6 Minggu
Cuti Ulangkaji	22 - 30 Disember 2018	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	31 Disember 2018 - 18 Januari 2019	3 Minggu
Cuti Semester	19 - 27 Januari 2019	1 Minggu

SEMESTER 2 SESI 2018/2019

PERKARA	TARIKH	TEMPOH
Pengesahan Pendaftaran Kursus	28 Januari - 05 Februari 2019	9 Hari
Kuliah	28 Januari - 05 Mei 2019	14 Minggu
Cuti Ulangkaji	06 - 12 Mei 2019	1 Minggu
Peperiksaan Akhir	13 - 31 Mei 2019	3 Minggu
Cuti Semester	1 Jun - 01 September 2019	13 Minggu

CUTI UMUM DAN PERAYAAN

TAHUN 2018 (Year 2018)		TAHUN 2019 (Year 2019)	
TARIKH (Date)	CUTI (Break)	TARIKH (Date)	Cuti (Break)
01 Januari 2018	Tahun Baharu	01 Januari 2019	Tahun Baharu
01 Februari 2018	* Hari Wilayah Persekutuan	01 Februari 2019	* Hari Wilayah Persekutuan
16 - 17 Februari 2018	Tahun Baru Cina	05 - 06 Februari 2018	Tahun Baru Cina
30 Mac 2018	Good Friday	19 April 2018	Good Friday
01 Mei 2018	Hari Buruh	01 Mei 2019	Hari Buruh
29 Mei 2018	Hari Wesak	19 Mei 2019	Hari Wesak
30 - 31 Mei 2018	Pesta Menuai	30 - 31 Mei 2019	Pesta Menuai
15 -16 Jun 2018	Hari Raya Aidilfitri	05 - 06 Jun 2019	Hari Raya Aidilfitri
22 Ogos 2018	Hari Raya Aidiladha	27 Julai 2019	Hari Jadi YDP Agong
31 Ogos 2018	Hari Kebangsaan	11 - 12 Ogos 2019	Hari Raya Aidiladha
09 September 2018	Hari Jadi YDP Agong	31 Ogos 2019	Hari Kebangsaan
11 September 2018	Awal Muharram (Maal Hijrah)	01 September 2019	Awal Muharram (Maal Hijrah)
16 September 2018	Hari Malaysia	16 September 2019	Hari Malaysia
06 Oktober 2018	Harijadi TYT	05 Oktober 2019	Harijadi TYT
06 Nov 2018	Hari Deepavali	27 Oktober 2019	Hari Deepavali
20 Nov 2018	Maulidur Rasul	10 November 2019	Maulidur Rasul
25 Disember 2018	Krismas	25 Disember 2019	Krismas

NOTA: * UMS KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN SAHAJA

LOKASI KAMPUS



Kampus Induk

Universiti Malaysia Sabah (UMS) terletak di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia dengan keluasan 999 ekar. Jarak perjalanan dari pusat bandar hanya mengambil masa 15 minit dan 30 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA). Kota Kinabalu mempunyai lapangan terbang antarabangsa yang kedua tersibuk di Malaysia dengan penerbangan terus ke bandar-bandar utama di rantau ini. Selain itu, Kota Kinabalu juga dikenali sebagai bandar pusat peranginan semula jadi (Nature Resort City) yang juga terbaik dalam menyediakan kemudahan

fasiliti dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan pelancong-pelancong, perniagaan mahupun percutian. Bandar Kota Kinabalu juga dilengkapi dengan kemudahan aksesibiliti jalan raya, pengangkutan udara serta laut bagi menghubungkan ia dengan setiap bandar utama di dalam negeri Sabah dan sekaligus menjadi pintu masuk ke destinasi pelancongan alam semula jadi serta pengembaraan bertaraf dunia. Malah, Kota Kinabalu juga tersenarai sebagai salah satu bandar pelancongan utama di negara ini.

UMS mempunyai dua cawangan kampus iaitu, Wilayah Persekutuan Labuan yang menempatkan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik dan Fakulti Pertanian Lestari yang terletak di Sandakan. Kedua-dua Labuan dan Sandakan dilengkapi dengan kemudahan lapangan terbang serta perkhidmatan pengangkutan awam.

PETA KOTA KINABALU



PELAN KAMPUS

1. Pintu Utama
2. Menara Jam
3. Dewan Canselor
4. Perpustakaan
5. Bahagian Keselamatan
6. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
7. Fakulti Sains dan Sumber Alam
8. Pusat Pengurusan EcoCampus
9. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
10. Fakulti Psikologi dan Pendidikan
11. Dewan Resital
12. Dewan-dewan Kuliah Utama
13. Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
14. Institut Penyelidikan Bioteknologi
15. Akuarium dan Muzium Marin
16. Institut Penyelidikan Marin Borneo
17. Jeti UMS
18. Bangunan Canselor
19. Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan
20. Kolej-kolej Kediaman
21. Pusat Pengajian Pascasiswazah
22. Kompleks Dewan Kuliah Pusat 2
23. Bahagian Perkhidmatan Akademik
24. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
25. Kompleks PALAPES
26. Pusat Rawatan Warga
27. Kompleks Sukan
28. Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
29. Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
30. Masjid
31. Pusat Islam
32. Fakulti Sains dan Sumber Alam
33. Fakulti Makanan dan Sains Pemakanan
34. Fakulti Komputeran dan Informatik
35. Fakulti Kejuruteraan
36. Yayasan UMS
37. Jabatan Hal Ehwal Pelajar



BAHAGIAN PERKHIDMATAN AKADEMIK

BAHAGIAN PERKHIDMATAN AKADEMIK

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pejabat Am

Bahagian Perkhidmatan Akademik

Tel : +6088 320 000

Samb : 691411 / 691351 / 691257

Faks : +6088 320090

Website : bpa.ums.edu.my

Seksyen Pengambilan Dan Kemasukan Pelajar

Fungsi

- Pengurusan pengambilan pelajar baharu Ke UMS.
- Pengurusan pelajar baharu mengikut kategori yang ditetapkan oleh UMS.
- Pengurusan kemasukan dan tawaran.
- Pengurusan pendaftaran pelajar baharu.

Skop

Pengambilan, promosi program akademik, permohonan, penawaran, pemilihan dan rayuan.

Aktiviti

- Menyelaras mesyuarat berkaitan pemilihan pelajar baharu iaitu mesyuarat pemilihan bersama IPTA dengan KPM, Mesyuarat Rayuan (dalaman) dan peringkat IPTA dengan KPM.
- Menyelaras persediaan kemasukan pelajar baharu melibatkan Jabatan/Unit berkaitan.
- Mengendalikan isu-isu berkaitan permohonan pelajar berkaitan pertukaran
- program dan pertukaran universiti.
- Mengeluarkan surat tawaran.
- Menyediakan laporan lengkap berhubung pengambilan dan kemasukan pelajar bagi mengenalpasti penambahbaikan berterusan.
- Merancang pelaksanaan pengambilan dan kemasukan pelajar baharu.
- Menyelaras urusan pra pemilihan pelajar melalui temuduga/ujian khas berdasarkan keperluan.
- Menyelaras penetapan unjuran pengambilan pelajar baharu mengikut fakulti berdasarkan kategori yang ditetapkan.
- Merancang aktiviti promosi tahunan bersama-sama dengan KPM.
- Membantu aktiviti promosi bersama Bahagian Perhubungan Korporat (BPK) UMS.
- Menyediakan bahan-bahan pameran termasuk pakej promosi.
- Membuat kajian keberkesanan aktiviti Promosi dan mengenalpasti penambahbaikan dari masa ke semasa.



Seksyen Pendaftaran Dan Penjadualan

Fungsi

- Pengurusan penawaran dan pendaftaran kursus prasiswazah Universiti dan penjadualan kuliah.
- Menerima dan memproses permohonan Fakulti dan pelajar berkaitan pengajian prasiswazah.

Skop

Penawaran dan pendaftaran kursus, pendaftaran pelajar baharu, penjadualan kuliah dan penyediaan buku prospektus.

Aktiviti

- Menyelaras pendaftaran pelajar baharu Universiti.
- Menyelaras penawaran kursus prasiswazah Universiti.
- Mengurus dan menyelaras proses pra pendaftaran.
- Pengemaskinian status pelajar dalam Sistem Maklumat Pelajar dan Sistem Klien.
- Menyelaras penyediaan maklumat penjadualan Kuliah FPIU dan memantau Sistem Celcat.
- Menyelaras pengesahan pendaftaran kursus pelajar lama.
- Mengurus permohonan pelajar berkaitan Kaedah Pengajian Prasiswazah dan penyediaan kertas dasar untuk dibawa ke Mesyuarat Prasiswazah dan Senat berdasarkan keperluan.
- Menyelaras proses penerbitan buku prospektus.
- Menyediakan laporan dan mengenalpasti penambahbaikan dari masa ke semasa.

Seksyen Pengurusan Peperiksaan Dan Penilaian

Fungsi

Pengurusan peperiksaan pelajar

Skop

Peperiksaan, penjadualan peperiksaan dan percetakan kertas soalan.

Aktiviti

- Merancang pelaksanaan peperiksaan akhir UMS.
- Menyediakan jadual peperiksaan.
- Merancang dan mengurus keperluan peperiksaan seperti berikut:
 - Ketua pengawas peperiksaan.
 - Pengawas peperiksaan.
 - Pembantu pengawas peperiksaan.
- Mencetak kertas soalan peperiksaan berdasarkan keperluan.
- Menyelaras agihan kertas soalan peperiksaan.
- Mengendalikan perjalanan peperiksaan biasa, semester pendek dan peperiksaan ulangan khas berdasarkan keperluan.
- Mengeluarkan keputusan peperiksaan.
- Menguruskan permohonan pelajar berkaitan Kaedah Pengajian Prasiswazah dan menyediakan kertas dasar untuk dibawa ke Mesyuarat Prasiswazah dan Senat berdasarkan keperluan.
- Menyediakan laporan dan mengenalpasti penambahbaikan dari masa ke semasa.

Seksyen Pengurusan Konvokesyen dan Rekod Pelajar

Fungsi

- Pengurusan data pengijazahan bagi tujuan pengesahan senarai pelajar yang layak bergraduat.
- Urus Setia Jawatankuasa Induk Konvokesyen.
- Pengurusan perjalanan konvokesyen melibatkan pelajar.

Skop

- Data pengijazahan pelajar, pengesahan graduan, menyelaras senarai penerima anugerah.
- Kerusetiaan Jawatankuasa Induk Konvokesyen.
- Perjalanan konvokesyen melibatkan pelajar, pengurusan jubah, buku konvokesyen dan hadiah universiti kepada pelajar sempena konvokesyen.

Aktiviti

- Menyelaras data pelajar yang layak bergraduat bersama dengan pihak fakulti.
- Mengendalikan bengkel bersama fakulti bagi mengeluarkan senarai akhir pelajar layak bergraduat.
- Menyelaras senarai penerima anugerah semasa majlis konvokesyen.
- Membuat pengesahan graduan Universiti Malaysia Sabah.
- Menguruskan cetakan skrol dan transkrip graduan.

- Menguruskan permohonan pelajar berkaitan Kaedah Prasiswazah.
- Menyediakan laporan lengkap pencapaian pelajar bergraduat setiap kohort bagi tujuan laporan penuh pencapaian Objektif Kualiti Universiti.
- Merancang pelaksanaan konvokesyen melibatkan pelajar.
- Menyelaras persediaan melibatkan Jabatan lain seperti JTMK, JPP dan keurusetiaan konvokesyen peringkat universiti.
- Menyelaras pelantikan petugas semasa konvokesyen melibatkan pelajar dan perarakan akademik.
- Menyelaras penyediaan buku konvokesyen universiti.
- Menyelaras hadiah-hadiah universiti kepada pelajar sempena konvokesyen.
- Mengurus Pelajar OKU untuk tujuan konvokesyen.
- Penyediaan maklumat konvokesyen untuk warta universiti.
- Urusetia kepada mesyuarat;
 - Jawatankuasa Induk Konvokesyen.
 - Jawatankuasa Pengurusan Graduan.
 - Jawatankuasa Persiapan Konvokesyen.
- Menyediakan laporan dan mengenalpasti penambahbaikan dari masa kesemasa.

Seksyen Pengurusan Maklumat

Fungsi

Pengurusan Maklumat dan Sistem Maklumat Pelajar.

Skop

Sistem Maklumat Pelajar, data akademik dan laman web.

Aktiviti

- Mengendalikan dan memantau pengurusan rekod pelajar dalam Sistem Maklumat Pelajar.
- Memastikan data kemasukan, pendaftaran, peperiksaan dan status pelajar dikemaskini dalam Sistem Maklumat Pelajar.
- Menyelaras urusan kemasukan gred dan analisis peperiksaan dan pengiraan PNGK pelajar.
- Menyediakan data/laporan berdasarkan keperluan pengurusan universiti dari masa kesemasa seperti My3S, MyRA, MyMajes dan lain-lain keperluan.
- Menyediakan data back up Sistem Maklumat Pelajar dari masa ke semasa.
- Mengemaskini maklumat di laman web BPA.
- Mengendalikan dan menyelaras maklumat dalam FB page BPA.
- Menyediakan laporan dan mengenalpasti penambahbaikan dari masa ke semasa.

Seksyen Pengurusan Dasar Dan Senat

Fungsi

- Pengurusan keurusetiaan Prasiswazah dan Senat.
- Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan BPA.

Skop

Senat, Jawatankuasa Prasiswazah.

Aktiviti

- Merancang takwim tahunan Mesyuarat prasiswazah dan senat.
- Mengendalikan persediaan sebelum mesyuarat seperti tempahan tarikh Pengerusi, tempahan tempat, jamuan dan penyediaan surat jemputan.
- Menyediakan dokumen mesyuarat seperti minit mesyuarat, agenda mesyuarat, memorandum pelaksanaan dan kertas dasar untuk dimuatnaik dalam e-meeting.
- Menyelaras pelaksanaan Mesyuarat. Mengagihkan petikan minit berdasarkan keperluan.
- Mingedarkan Minit Mesyuarat, Memorandum Pelaksanaan dan membuat tindakan susulan ke atas keputusan mesyuarat.
- Menyediakan dokumen ke mesyuarat LPU dan mengedarkan keputusan mesyuarat LPU berkaitan Senat berdasarkan keperluan.
- Mengemaskini Kaedah Pengajaran Prasiswazah berdasarkan ketetapan Senat dari masa kesemasa dan memaklumkan kepada pihak Fakulti mengenai perubahan tersebut.
- Menyelaras pelantikan ahli-ahli Senat Tetap, Di-ko-opt, Profesor dan Ex-Oficio selaras

dengan Seksyen 22 (1), Perlembagaan UMS.

- Menyelaras proses pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat.
- Menyediakan laporan dan mengenalpasti penambahanbaikan dari masa ke semasa.

Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan

Fungsi


Pengurusan pentadbiran dan kewangan BPA.

Skop

Latihan kakitangan, penilaian prestasi, penilaian prestasi KPI Jabatan, penilaian pencapaian piagam pelanggan, aset, inventori dan stok dan pengurusan kewangan.

Aktiviti

- Memantau keperluan latihan kakitangan.
- Mengurus Sistem Pengurusan Fail BPA.
- Mengurus rekod cuti dan kehadiran kakitangan.
- Menyelaras penilaian prestasi BPA.
- Menyelaras prestasi BPA melalui pencapaian KPI dan Piagam Pelanggan.
- Memantau pengurusan aset, inventori dan stok.
- Memantau hal berkaitan bangunan BPA dan bangunan dibawah seliaan BPA.
- Menguruskan tempahan dewan kuliah pusat.
- Mengurusan hal ehwal kewangan BPA seperti belanjawan, perolehan, bayaran, tuntutan perjalanan, panjar wang runcit.
- Memantau hal ehwal berkaitan perkhidmatan seperti berikut:
 - Perkhidmatan kaunter
 - Aduan pelanggan
 - Pelaksanaan EKSA
 - Pelaksanaan *shared value*, 6S.
- Urusetai kepada mesyuarat;
- Eksekutif BPA
- Kewangan BPA



HAL EHWAJ PELAJAR DAN ALUMNI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
 Bangunan Anjung Siswa,
 Universiti Malaysia Sabah,
 Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel : +6088 - 320 000
 Samb : 4219 / 4175
 Faks : +6088 - 320 060
 E-mel : pejhep@ums.edu.my
 Web : ums.edu.my/hepa2

Sektor Hal Ehwal Pelajar
 UMS, Kampus Antarabangsa Labuan
 Jalan Sungai Pagar, 87000 W.P. Labuan,
 Malaysia

Tel : +6087 – 460 409 / 466 751
 Faks : +6087 – 465 149
 E-mel : adminkal@ums.edu.my

Fungsi Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni telah wujud seiring dengan penubuhan Universiti pada 24 November 1994. Pada mulanya HEPA ini telah memulakan operasinya di Kampus UMS Jalan Tuaran. Dekan (Hal Ehwal Pelajar) yang pertama ialah Prof. Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon. Bermula tahun 2000, portfolio Dekan telah ditukar kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin telah menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor (HEP) bermula pada tahun 2000 sehingga tahun 2007. Prof. Dr. Amran Ahmed telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) pada tahun 2007 dan diganti oleh Prof. Madya Datuk Dr. Kassim Hj. Md. Mansur pada tahun 2009. Bermula pada tahun 2014, Prof. Dr. Ismail Ali telah menjawat jawatan ini sehingga kini.

Terdapat tiga (3) Jabatan/ Pusat yang terdapat di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (HEPA) iaitu:-

- Jabatan Hal Ehwal Pelajar;
- Pusat Alumni; dan
- Pusat Sukan.

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP)

JHEP berfungsi sebagai pusat perkhidmatan kepada pelajar dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kebaikan, perumahan pelajar kesihatan, kaunseling, kerjaya, berpersatuan, biasiswa dan bantuan kewangan pelajar. Matlamat Jabatan Hal Ehwal Pelajar adalah melahirkan graduan yang seimbang, berketrampilan, bertaqwa dan patriotik.

JHEP terbahagi kepada enam (6) Bahagian utama iaitu:-

- Bahagian Pentadbiran & Kewangan;
- Bahagian Perumahan Pelajar;
- Bahagian Pembangunan Pelajar;
- Bahagian Kebudayaan & Kesenian;
- Bahagian Kaunseling & Bimbingan Pelajar; dan
- Bahagian Kebajikan & Kewangan Pelajar.

Senarai Kolej Kediaan UMS:-

Kolej Kediaman	Kapasiti
Tun Mustapha	1,776
Tun Fuad	1,454
Excellent (E)	3,600
Kingfisher	342
USIA-1B	486
Sri Angkasa	2,688
Alpha (UMS-KAL)	1,250
Mutiara (UMS-KAL)	359
Beta (UMS-KAL)	717
Lestari (FPL, Sandakan)	984
Jumlah	13,656

Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang terletak di Anjung Siswa bersebelahan dengan Dewan Canselor turut menyediakan beberapa kemudahan seperti berikut:

- Mesin ATM
- Kedai Koperasi
- One Stop Centre
- Kafeteria
- Mini Mart
- Dewan Serbaguna
- Bilik Seminar

PUSAT SUKAN

Peranan utama yang dimainkan oleh Pusat Sukan adalah mewujudkan budaya bersukan dikalangan mahasiswa Universiti, selain berusaha melahirkan 'The Thinking Athletes' dari kalangan mahasiswa Universiti untuk diketengahkan bagi mewakili Negara. Antara fungsi utama Pusat Sukan ialah:-

- Menganjurkan acara Sukan Massa bagi mahasiswa UMS seperti sirkit sukan, kejohanan olahraga dan liga sukan pada setiap semester.
- Pengurusan atlet prestasi tinggi sama ada penganjuran sukan, penyertaan sukan, kem latihan dan persediaan peralatan atlet.
- Mengenalpasti bakat dan calon-calon untuk ditawarkan Biasiswa Sukan serta memantau kemajuan akademik dan kebajikan atlet di Universiti.
- Menyedia, mengurus, menyelenggara serta memberi perkhidmatan kemudahankemudahan sukan dan riadah kepada pelajar, kakitangan dan orang ramai.
- Penganjuran acara sukan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

PUSAT ALUMNI

Pusat Alumni berperanan sebagai landasan dalam menjalin dan memantapkan hubungan di antara alumni dan alma mater. Pusat ini juga bertanggungjawab dalam mengemaskini pangkalan data alumni, menguruskan pengumpulan maklumat penjanaan pendapatan Universiti melalui sumbangan alumni, disamping merancang dan melaksana pelbagai aktiviti untuk kepentingan bersama.


PUSAT KERJAYA

Pusat Kerjaya berperanan memenuhi keperluan untuk memastikan peningkatan jumlah pelajar yang mendapat pekerjaan dan memberikan nasihat kerjaya. Penubuhan Pusat Kerjaya adalah selaras dengan keperluan untuk memastikan peningkatan jumlah pelajar yang mendapat pekerjaan dan memberikan nasihat kerjaya dan program pembangunan kerjaya kepada pelajar. Pusat ini menyediakan prasarana yang kondusif dan perkhidmatan cemerlang serta memperkasakan sahsia mahasiswa yang holistik. Selain itu, membantu melahirkan graduan yang unggul berteraskan kepada keseimbangan dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial sekaligus menyediakan graduan yang mempunyai kemahiran/ciri-ciri bersedia menghadapi dunia pekerjaan selaras dengan keperluan industri masa kini. Pusat Kerjaya terbahagi kepada lima (5) Bahagian iaitu:-

- Kebolehpasaran Graduan (GE);
- Latihan & Modal Insan;
- Karnival Kerjaya;
- Keusahawanian; dan
- Hubungan Industri

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) merupakan badan induk kepada Persatuan Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (PMUMS) yang mewakili seluruh pelajar berdaftar Universiti. Penubuhannya adalah mengikut Seksyen 57 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah P.U. (A) 460 melalui proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) yang diadakan setiap tahun di mana calon pelajar di dalam Universiti ini akan bertanding untuk menduduki kerusi yang diperuntukan di dalam satu PMPP yang sama seperti Pilihan Raya Umum. Semua pelajar berdaftar yang sedang mengikuti kursus di peringkat ijazah dan sarjana secara automatik boleh menjadi ahli MPP dan layak mengundi dalam PMPP.



JABATAN BENDAHARI

JABATAN BENDAHARI / BURSAR

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :-

Kampus Induk

Bahagian Kewangan Pelajar

Jabatan Bendahari

Universiti Malaysia Sabah

Aras 3, Blok Utara, Bangunan Canselori

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : 6088 - 320 000

Samb (Ext.): 1060 / 1120 / 1019 / 1432 / 1116

Faks (Fax): 6088 - 320 235

E-mel (Email): bkpums@ums.edu.my

Fb : <https://www.facebook.com/bkpums>

Kampus Antarabangsa Labuan

Seksyen Kewangan Pelajar

Bahagian Kewangan

Aras 4, Bangunan Menara

Universiti Malaysia Sabah

Kampus Antarabangsa Labuan

Jalan Sg. Pagar 87000

Wilayah Persekutuan Labuan

Tel : 6087- 466 915

Faks (Fax): 6087- 465 152

E-mel (Email) : pbrikal@ums.edu.my

Fakulti Pertanian Lestari (Kampus Sandakan)

Zon Operasi Kewangan Sains

Beg Berkunci No. 3, 90509 Sandakan, Sabah

Tel : 6089 - 248100

Samb (Ext.): 8120

Faks (Fax): 6089 - 220703

E-mel (Email): bendaharifpl@gmail.com

BAHAGIAN KEWANGAN PELAJAR

Fungsi

Bahagian Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari memainkan peranan penting dalam pengurusan kewangan pelajar dari pelbagai sudut sepanjang tempoh pengajian mereka di Universiti Malaysia Sabah dengan fungsi-fungsi dan tanggungjawab – tanggungjawab seperti berikut:-

- Mengurus dan menyelaras akaun pelajar.
- Mengurus dan menyelaras biasiswa dan tajaan pelajar.
- Mengurus dan menyelaras hal ehwal Kumpulan Wang Pelajar, Asrama dan yang berkaitan.
- Mengurus dan menyelaras hal ehwal kewangan berkaitan kebajikan pelajar.
- Mengurus dan menyelaras hal ehwal berkaitan selain daripada di atas.

Bayaran Sekali Sepanjang Tempoh Pengajian

- Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu

Bayaran Setiap Tahun / Sesi

- Insuran Kemalangan Diri Berkelompok Pelajar (pelajar tempatan)
- Yuran Keahlian Persatuan Mahasiswa

Bayaran Setiap Semester

- Yuran Pengajian Per Semester
 - Termasuk yuran pengajian (jumlah bayaran bergantung kepada program), bayaran perkhidmatan
 - Universiti, bayaran kebajikan pelajar dan lain-lain yang berkaitan.
- Yuran Asrama
- Yuran Akreditasi (Bagi pelajar di bidang Kejuruteraan)

PENTING:

Pelajar DIWAJIBKAN untuk menjelaskan yuran pengajian sebelum mendaftar pada setiap semester.

Fees paid on Registration Day MUST be paid in full and cash only in Malaysian Ringgit (RM).



YURAN PENGAJIAN (PELAJAR TEMPATAN)

Yuran		Bidang Sains dan Teknologi Maklumat	Bidang Sastera	Bidang Kejuruteraan	Bidang Perubatan
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
• Bayaran Sekali Sepanjang Tempoh Pengajian (Pendaftaran Kemasukan)	Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu	515.00	490.00	515.00	515.00
• Bayaran Setiap Semester - 18 minggu/semester (2 Semester Setahun)	Yuran Pengajian Per Semester	960.00	865.00	1,040.00	1,240.00
	Yuran Asrama	665.00	665.00	665.00	665.00
	Yuran Akreditasi	-	-	50.00	-
Jumlah		1,625.00	1,530.00	1,755.00	1,905.00
• Bayaran Setiap Permulaan Sesi (Tahunan)	Yuran Insurans Kelompok	25.00	25.00	25.00	25.00
	Yuran Keahlian Persatuan Mahasiswa	5.00	5.00	5.00	5.00
Jumlah		30.00	30.00	30.00	30.00
Jumlah Keseluruhan (Pelajar Baharu)		2,170.00	2,050.00	2,300.00	2,450.00
Jumlah Yuran Untuk 3 Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		6,365.00	5,770.00	-	-
Jumlah Yuran Untuk 3½ Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		-	6,665.00	-	-
Jumlah Yuran Untuk 4 Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		8,315.00	7,530.00	9,355.00	-
Jumlah Yuran Untuk 5 Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		-	-	-	13,065.00

YURAN PENGAJIAN (PELAJAR ANTARABANGSA)

Yuran		Bidang Sains dan Teknologi Maklumat (RM)	Bidang Sastera (RM)	Bidang Kejuruteraan (RM)
• Bayaran Sekali Sepanjang Tempoh Pengajian (Pendaftaran Kemasukan)	Yuran Pendaftaran Pelajar Baru	2,585.00	2,585.00	2,585.00
• Bayaran Setiap Semester - 18 minggu/semester (2 Semester Setahun)	Yuran Pengajian Per Semester	3,387.00	2,625.00	4,233.00
	Yuran Asrama	1,835.00	1,835.00	1,835.00
	Yuran Akreditasi	-	50.00	-
Jumlah		5,222.00	4,460.00	6,118.00
• Bayaran Setiap Permulaan Sesi (Tahunan)	Yuran Keahlian Persatuan Mahasiswa	5.00	5.00	5.00
Jumlah		5.00	5.00	5.00
Jumlah Keseluruhan (Pelajar Baharu)		7,812.00	7,050.00	8,708.00
Jumlah Yuran Untuk 3 Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		22,922.00	18,350.00	-
Jumlah Yuran Untuk 3½ Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		-	20,980.00	-
Jumlah Yuran Untuk 4 Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		29,701.00	23,605.00	36,869.00

YURAN PENGAJIAN (PELAJAR ANTARABANGSA) BIDANG PERUBATAN SAHAJA

Yuran	Bidang Perubatan		
	Bayaran Mengikut Sesi / Semester (RM)	Bayaran Semasa Mendaftar (RM)	
• Bayaran Sekali Sepanjang Tempoh Pengajian (Pendaftaran Kemasukan)	Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu	-	4,085.00
• Bayaran Setiap Semester - 18 minggu/semester (2 Semester Setahun)	Bayaran Semester 1	Yuran Pengajian Per Semester	46,520.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 2	Yuran Pengajian Per Semester	47,820.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 3	Yuran Pengajian Per Semester	46,520.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 4	Yuran Pengajian Per Semester	47,020.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 5	Yuran Pengajian Per Semester	47,020.00
		Yuran Asrama	2,500.00
• Bayaran Semester 6	Bayaran Semester 6	Yuran Pengajian Per Semester	47,320.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 7	Yuran Pengajian Per Semester	49,020.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 8	Yuran Pengajian Per Semester	47,020.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 9	Yuran Pengajian Per Semester	47,020.00
		Yuran Asrama	2,500.00
	Bayaran Semester 10	Yuran Pengajian Per Semester	46,520.00
		Yuran Asrama Hostel Fees	2,500.00

YURAN PENGAJIAN (PELAJAR ANTARABANGSA) BIDANG PERUBATAN SAHAJA (sambungan)

Yuran	Bidang Perubatan	
	Bayaran Mengikut Sesi / Semester (RM)	Bayaran Semasa Mendaftar (RM)
• Bayaran Setiap Sesi (Tahunan)	Bayaran Setiap Semester 1 135.00	135.00
	Bayaran Setiap Semester 2 1,600.00	
Jumlah Keseluruhan (Pelajar Baharu)		53,240.00
Jumlah Yuran Untuk 5 Tahun Pengajian (Tidak Termasuk Yuran Asrama)		484,560.00


Bidang	Sains	Sastera	Kejuruteraan	Perubatan
Kod Program	HC / HG / HS / HY	HA / HE / HP / HT	HK	HM

Pembayaran Balik Yuran Bagi Pelajar yang Menarik Diri dari Pengajian

Jika pelajar telah menerima tawaran ini dan mendaftar tetapi kemudiannya menarik diri daripada pengajian, bayaran yang layak dituntut adalah seperti berikut:-

	2 minggu sebelum sesi kuliah bermula	Minggu Pertama hingga ke-8 selepas sesi kuliah bermula	Selepas minggu ke-8 sesi kuliah bermula
• Bayaran Sekali Sepanjang Tempoh Pengajian (Pendaftaran Kemasukan)	Luput	Luput	
• Bayaran Setiap Semester - 18 minggu / Semester (2 Semester Setahun)	65% dari jumlah bayaran/yuran*	40% dari jumlah bayaran/yuran*	Luput
• Bayaran Setiap Permulaan Sesi (Tahunan)	Luput	Luput	

*Yuran Pengajian (mengikut program) dan Bayaran Perkhidmatan (RM30 untuk pelajar tempatan & RM100 untuk pelajar antarabangsa) SAHAJA.



Pengiraan Kadar Pemulangan (Pelajar Tempatan)

Jenis Yuran	Bidang Sains & Teknologi Maklumat			Bidang Sastera			Bidang Kejuruteraan			Bidang Perubatan		
	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %
Yuran Pengajian (per program)	620.00	403.00	248.00	550.00	357.50	220.00	700.00	455.00	280.00	900.00	585.00	360.00
Bayaran Perkhidmatan	30.00	19.50	12.00	30.00	19.50	12.00	30.00	19.50	12.00	30.00	19.50	12.00
Jumlah Keseluruhan	650.00	422.50	260.00	580.00	377.00	232.00	730.00	474.50	292.00	930.00	604.50	372.00

Pengiraan Kadar Pemulangan (Pelajar Antarabangsa)

Jenis Yuran	Bidang Sains & Teknologi Maklumat			Bidang Sastera			Bidang Kejuruteraan			Bidang Perubatan		
	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %	Kadar Yuran	Pemulangan 65 %	Pemulangan 40 %
Yuran Pengajian (per program)	2,767.00	1,798.55	1,106.80	2,055.00	1,335.75	822.00	3,613.00	2,348.45	1,445.20	43,800.00	28,470.00	17,520.00
Bayaran Perkhidmatan	100.00	65.00	40.00	100.00	65.00	40.00	100.00	65.00	40.00	100.00	65.00	40.00
Jumlah Keseluruhan	2,867.00	1,863.55	1,146.80	2,155.00	1,400.75	862.00	3,713.00	2,413.45	1,485.20	43,900.00	28,535.00	17,560.00

Nota:

Perbezaan yuran yang tidak dipulangkan adalah disebabkan kos-kos yang telah terlibat semasa penerimaan tawaran.

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

Pejabat Am

Perpustakaan (Kampus Induk)

Tel : 6088 - 320 000

Samb : 2219 / 2240 / 2274 / 2201

Faks : 6088 - 320 232

E-mel : library_info@ums.edu.my,
palibrary@ums.edu.my

Pejabat Am

Perpustakaan (Kampus Antarabangsa
Labuan)

Tel : 6087 - 460 505 / 460 511

Faks : 6087 - 465 157

E-mel : dgruhidah@ums.edu.my


Pengenalan

Universiti Malaysia Sabah (UMS) memainkan peranan yang penting dalam membantu universiti menghasilkan sebuah komuniti ilmuan khususnya dikalangan pelajar, ahli akademik, penyelidik dan warga university secara amnya. Perpustakaan UMS merupakan sebuah Pusat Maklumat dan Ilmu Pengetahuan yang diperlukan oleh pengguna dalam proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan inovasi serta penerbitan di universiti. Selaras dengan visinya iaitu "Menjadi sebuah gedung ilmu tersohor di dunia", maka Perpustakaan UMS dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk membangun dan memajukan kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan universiti dan juga memberi kepuasan kepada pengguna. Ia termasuklah usaha-usaha memantapkan koleksi bahan dan sumber maklumat, menambahbaik kualiti kemudahan, meningkatkan keberkesanannya sistem penyampaian perkhidmatan, dan meluaskan akses atau kebolehcapaian kepada maklumat yang diperlukan.

Terdapat ribuan maklumat dan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang yang boleh diakses secara elektronik selama 24 jam sehari dan 7 hari seminggu. Antaranya ialah langganan pangkalan data elektronik yang mengandungi jurnal teks penuh dan juga buku elektronik. Ia boleh diakses secara meluas pada bila-bila masa dan di mana jua melalui Web OPAC dan juga Laman Web Perpustakaan (URL:<http://webvirtua.ums.edu.my/>). Perpustakaan UMS juga sentiasa memperkuuhkan hubungan kerjasama dengan perpustakaan - perpustakaan tempatan termasuk juga perpustakaan luar negara bagi tujuan perkongsian sumber

ilmu dan maklumat. Ia dapat membantu menyediakan bahan bacaan yang tiada di dalam koleksi tetapi diperlukan, melalui perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP).

Selain itu, terdapat juga perkongsian pangkalan data di kalangan Perpustakaan Universiti Tempatan yang boleh diakses secara online begitu juga pengesahan bahan dan maklumat, seperti Pangkalan Data Tesis (MYTO), Senarai Induk Bahan Bersiri (MyULIS), Sumber Sumber Internet (MGIR) dan juga Koleksi Penerbitan Universiti (MURC). Pengguna boleh mengaksesnya melalui i-Portal Malaysian University Libraries & National Library Network (MyUniNet) di URL <http://portal.perpun.net.my/portal/index.php>. Perpustakaan UMS juga mengutamakan penyediaan kemudahan yang terbaik untuk pengguna. Dengan menggunakan Sistem Maklumat Perpustakaan (Virtua), proses pengesahan bahan dan maklumat dapat dilakukan secara online melalui Web OPAC 24 jam sehari selama 7 hari seminggu. Dengan sistem ini, proses pinjaman, pemulangan, pembaharuan pinjaman serta tempahan bahan dapat dilakukan secara layan diri tanpa perlu berurusan di kaunter perkhidmatan.



PERPUSTAKAAN

Manakala, kemudahan Peti Pemulangan Buku 24 Jam boleh digunakan bagi memulangkan buku pinjaman pada bila-bila masa walaupun diluar waktu operasi perpustakaan. Penyediaan Bilik Bacaan 24 Jam membolehkan proses pembelajaran berlangsung pada setiap masa. Manakala, 500 unit komputer berteknologi thin client dan internet, serta kemudahan wireless, boleh merancakkan lagi proses pembelajaran dan penyelidikan. Kemudahan lain seperti surau juga disediakan. Perkhidmatan Perpustakaan UMS turut diperluaskan ke lokasi-lokasi cawangannya di Perpustakaan UMS-KAL, Perpustakaan Perubatan, Perpustakaan Cawangan Kampus Sandakan, Blok-blok Klinikal di Hospital Queen Elizabeth dan Kingfsher di Kota Kinabalu, Sikuati, Kudat dan Duchess of Kent di Sandakan serta Pusat Perkhidmatan Bacaan Luar bagi para pelajar luar kampus Sandakan dan Tawau.

Selain itu, kakitangan professional sedia membantu dan memberi panduan dan tunjuk ajar kepada pelajar yang memerlukan khidmat nasihat. Di samping itu, panduan, latihan dan bimbingan secara berterusan turut disediakan bagi memastikan pengguna dapat memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin.

Visi

Kearah gedung ilmu tersohor di dunia melalui pembangunan sumber maklumat yang dinamik dan inovatif.

Misi

Menyediakan sumber dan perkhidmatan yang komprehensif bagi menyokong keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan inovasi serta penerbitan universiti.

Falsafah

Membina masyarakat terpelajar, cemerlang dan berbudaya maju yang berteraskan kepada penguasaan dan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan melalui amalan pembacaan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Objektif

Membina koleksi bahan & maklumat yang berkualiti dan relevan
 Menyediakan perkhidmatan yang efsien, efektif, tepat & mesra pelanggan.
 Mengoptimumkan penggunaan pelbagai maklumat, kemudahan dan perkhidmatan.
 Memupuk budaya ilmu di kalangan warga universiti & masyarakat sekitar



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

Pejabat Am

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Tel : 6088 - 320 000

Samb : 613038 / 613040 / 613041

Faks : 6088 - 320 234

E-mel : pejjitmk@ums.edu.my

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(Cawangan Labuan)

Tel : 6087 – 460 435 / 438 / 425

Faks : 6087- 466 750

E-mel : pejbtkm@ums.edu.my

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(Cawangan Sandakan)

Tel : 6089 – 248 100

Samb : 618200 / 618223

Faks : 6089 – 220 710

E-mel : pejjitmk_sdk@ums.edu.my

Visi

Menjadikan ICT sebagai pemangkin kecemerlangan UMS menjelang tahun 2020.

Misi

- Menyediakan infrastruktur ICT yang menampung semua aliran maklumat;
- Menyediakan persekitaran ICT yang berkualiti dan inovatif;
- Menyediakan pengurusan Maklumat dan Teknologi Komunikasi perkhidmatan yang cekap, berkesan, berkualiti dan konsisten;
- Memantapkan perkhidmatan melalui Teknologi Hijau.

Objektif

- Memperluaskan penggunaan teknologi maklumat di dalam semua aktiviti universiti
- Membuat perancangan menyeluruh dan peneraju kepada keperluan ICT UMS.
- Menyediakan perkhidmatan ICT merangkumi perkakasan dan perisian rangkaian keselamatan dan aplikasi.
- Menjadi pemangkin kepada UMS dalam meneraju dan mengadaptasi ICT
- Menentukan prosedur ICT yang digunakan dan dikuatkuasa di UMS Jabatan ini berfungsi sebagai pembangun dan pelaksana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di UMS. Perkhidmatan yang disediakan adalah bermatlamat untuk mewujudkan satu persekitaran penggunaan teknologi maklumat yang berkesan bagi membantu meningkatkan pengetahuan, kecekapan dan disiplin pengguna ICT dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran di UMS. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Jabatan ini adalah :



Kemudahan ICT untuk Warga UMS:**SISTEM MAKLUMAT PELAJAR BERSEPADU (SMPB)**

Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB) dibangunkan adalah merangkumi keperluan pengurusan akademik, fakulti, hal ehwal pelajar dan kebajikan pelajar seperti yang berikut:

- Pendaftaran Kursus
- Keputusan Peperiksaan
- Kediaman Pelajar
- Kebajikan Pelajar
- Aktiviti Pelajar
- Pengijazahan

